

1M PILIH 18C 15 (e-mel)

## 5,893 graduan UiTM selesai konvokesyen

Hm 15/11/06

**S**HAH ALAM: Istiadat konvokesyen Universiti Teknologi Mara (UiTM) ke-65 berakhir petang semalam apabila sesi ketujuh penganugerahan disempurnakan Naib Canselornya, Datuk Seri Prof Dr Ibrahim Abu Shah.

Secara keseluruhan seramai 5,893 graduan menerima ijazah masing-masing sejak 9 November lalu.

Menurut Dr Ibrahim, istiadat konvokesyen kali ini dianggap istimewa kerana graduan menerima ijazah masing-masing serentak dengan sambutan ulang tahun ke-50 UiTM.

Sesi terakhir semalam bermula dengan penganugerahan ijazah kepada graduan profesional Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi sebelum diakhiri Fakulti Seni Persembahan.

Tujuh penuntut dipilih sebagai graduan terbaik, iaitu Nordiyana Zulkafli dianugerahkan ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sains Aktuari, menerima Anugerah Seri Paduka Baginda Tuanku Canselor; Nor Nazihah Chuweni (Sarjana Muda Pengurusan Hartanah (Kepujian) - Anugerah Pingat Emas Naib Canselor); Mohd Firdaus



**SUNTIK SEMANGAT...Ibrahim (dua dari kanan) memberi perangsang kepada pelajar terbaik fakulti selepas majlis konvokesyen ke-65, semalam.**

Kamaruddin (Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian)-Anugerah Pingat Emas Yayasan Budiman UiTM); Sarah Diyana Shafie (Sarjana Muda Farmasi (Kepujian)-Anugerah Sains dan

Teknologi Yayasan Sime Darby; Ahmad Mahir Juhari (Sarjana Muda Pengajian Undang-undang (Kepujian) dan Raihana Abdul Halim (Sarjana Muda Komunikasi Massa (Kepujian).